



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN
(Bahagian Falak)

ISTIWA' AGUNG (ISTIWA' AD'ZAM)


Fenomena Istiwa' Agung atau dikenali juga sebagai "*Istiwa' Ad'zam*" ialah keadaan di mana matahari berkedudukan tegak di atas Kaabah, iaitu berada tepat di titik zenith (ghayah) semasa istiwa (rembang/tengahari). Pada ketika ini, bayang-bayang objek tegak yang terhasil di seluruh dunia akan membetuli arah kiblat, lantas memberi peluang kepada umat Islam menyemak arah kiblat dari tempat masing-masing. Fenomena istimewa yang diatur oleh Allah S.W.T. ini berlaku 2 kali setahun iaitu pada :

**28 Mei, jam 5.16 petang
dan
16 Julai, jam 5.28 petang**

Untuk menyemak arah kiblat dengan menggunakan kaedah ini, umat Islam perlu mengikut langkah-langkah berikut :

1. Tentukan tarikh dan waktu seperti yang dinyatakan di atas. Gunakan Waktu Piawai Malaysia.
2. Pilih satu tempat yang hendak di semak arah kiblatnya dan pastikan ia tidak terlindung daripada sinaran matahari.
3. Pacakkan satu tiang, atau boleh juga gunakan sebarang benda yang tegak seperti jeriji tingkap, sisi bangunan dan seumpamanya.
4. Pastikan tiang atau benda tersebut tegak (90°) dan lurus.
5. Pada waktu yang dinyatakan, tentukan arah bayang-bayang yang terhasil daripada tiang atau benda tersebut.

6. Arah kiblat adalah arah yang bertentangan dengan bayang-bayang yang terhasil daripada tiang atau benda itu. Disebabkan semasa fenomena ini terjadi, matahari berada tegak atas Kaabah di barat, maka bayang-bayang yang terhasil akan jatuh ke arah timur. Oleh itu, arah kiblat ialah arah yang selari dengan bayang-bayang yang diunjurkan menghala ke arah barat.



Panduan penentuan arah kiblat menggunakan fenomena Istiwa Agung.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN
(Bahagian Falak)
Aras 3, Bangunan Mahkamah Syariah dan Jabatan Mufti
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Anak Bukit
06550 Alor Setar
Kedah Darul Aman

No Telefon : 604-7312800
No Faks : 604-7320807
E-mel : mufti@kedah.gov.my